

## Muhammad Ilman Faiz Muhammad

Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)



# Pelajar penyambung legasi darah satria

**B**ersandarkan minat dan semangat patriotisme yang mendalam sejak kecil, saya mula menanam azam untuk melanjutkan pengajian di Maktab Tentera Diraja (MTD) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Alhamdulillah, impian itu berjaya saya laksanakan dengan jayanya tanpa sebarang paksaan.

Semangat cintakan negara dan budaya tentera terbit dalam azam-sabari kerana bapa saya, Mejar Muhamad Awang juga adalah seorang pegawai tentera (kini sudah bersara) dan ibu Zainun Nisha Mohd Yunus pula ialah suri rumah.

Bergelar anak kepada pegawai tentera, kami adik-beradik dilatih dan diterapkan dengan nilai-nilai ketenteraan di rumah secara sederhana seperti patriotisme, berbangga dengan tanah air, dan mempertahankan kedaulatan negara yang akhirnya membuatkan saya jatuh cinta dengan ketenteraan.

### Semangat patriotisme

Pada pandangan saya patriotisme ini berkait sangat rapat dengan rasa menghargai. Kami dipupuk dan dilatih untuk menghargai sedalam-dalamnya perjuangan nenek moyang terdahulu yang sanggup bergadai nyawa demi mempertahankan negara dan mengesap kemerdekaan.

Apabila membaca atau mendengar kisah per-

juangan mereka, terlalu banyak nilai kepahlawanan dan keberanian yang boleh kita jadikan sebagai pegangan.

Anda boleh lihat betapa taatnya mereka kepada pemimpin dan kesanggupan mereka melaksanakan kewajipan dengan sangat baik tanpa mementingkan diri sendiri.

Mereka sanggup mengorbankan masa dan kesenangan demi mempertahankan tanah air yang sedang kita hargai keamanannya pada hari ini.

Kini, jasa dan keringat mereka membuahkan hasil apabila rakyat kita dapat menjalani kehidupan dalam negara yang aman, harmoni dan sejahtera.

### Lakukan yang terbaik

Seterusnya, apabila membaca kisah penerima pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) seperti Kapten Hamid Awang dan Sarjan Kanang anak Langkau. Saya pasti adalah mustahil untuk anda tidak berasa bangga dan kagum dengan keberanian dan kebijaksanaan mereka.

Lebih-lebih lagi pingat ini hanya dianugerahkan kepada mereka yang menunjukkan keberanian dan semangat juang sangat tinggi di dalam situasi sangat bahaya dan berisiko tinggi.

Sehingga kini, hanya 28 orang sahaja yang menerimanya sejak 1963. Dalam ketenteraan, sejak bangun hingga tidur

semula, kami dipaksa memenuhi keinginan jurulatih. Keinginan apa? Bangun awal pagi dan 'stretch' katil hingga tegang atau jika tidak, kami akan mengambil inisiatif menyerikannya hingga hilang kedutan.

Bukan itu sahaja, kilatkan kasut ibarat cermin dan pelbagai lagi harus kami patuhi.

Sekiranya di padang, kami akan diarah pula untuk berguling, berlari dan bermacam-macam lagi yang terpaksa dilakukan walaupun sudah tidak mampu lagi. Walaupun seperti mustahil, setelah dipaksa kami akhirnya berjaya mengharunginya.

"Tiada yang tidak boleh. Tiada yang tidak ada. Tiada yang tidak tahu." Itulah kata-kata yang sering diterapkan sehingga kami lupa erti putus asa dan sering melakukan apa jua perkara dengan sehabis baik agar tiada sebarang kecacatan dengan hasil kerja kami.

Nilai ketegasan dan disiplin yang tinggi

disemai sejak muda kepada kami supaya tidak dipandang remeh dan dihormati di mata awam.

Ramai yang tahu makna ketaatan, kesetiaan, kewajipan, hormat menghormati, integriti, sikap tidak mementingkan diri sendiri dan keberanian.

Akan tetapi sejauh manakah kita menghayati dan memegang kata-kata itu dalam kehidupan sehari-hari kita?

### Nilai ketenteraan

Kami dipupuk dengan menjadikan nilai ini sebagai objektif utama yang perlu dicapai di dalam asas latihan.

Nilai ini kemudian akan menjadi pegangan kerana sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan kami.

Kali pertama menyarungkan seragam celor-ang tentera, kami berasa sangat bangga kerana daripada beribu orang yang ingin mendaftar, kami terpilih dan diberi peluang untuk dilatih sebagai bakal pegawai tentera.

Dalam pakaian seragam tentera, tanpa mengira bangsa, agama, negeri dan latar belakang, kami ialah satu keluarga yang sangat besar.

Jadi adakah tentera mengubah hidup kami? Tentera bukan sahaja mengubah tetapi menyentuh, memenuhi dan menambah baik kehidupan kami pada hari ini.

Tentera mengajar kami erti tanggungjawab, semangat setiakawan yang tinggi, dan sentiasa meletakkan kepentingan diri di tempat yang terakhir dalam kehidupan kami. Akan tetapi masih jauh perjalanan kami di dalam dunia ketenteraan ini.

Bagaimanapun, kami sentiasa bersemangat dan bangga kerana diberi peluang berjuang untuk negara.

Bagi kami, tidak ada perkara yang lebih besar untuk dikorbankan dan disumbangkan kepada negara melainkan peluang untuk mempertahankan negara walau terpaksa berkorban nyawa demi tanah air ku Malaysia yang tercinta.



Tiada yang tidak boleh. Tiada yang tidak ada. Tiada yang tidak tahu. Itulah kata-kata yang sering diterapkan sehingga kami lupa erti putus asa dan sering melakukan apa jua perkara dengan sehabis baik"

Ahli MPP institusi pengajian tinggi (IPT) yang berminat untuk menulis dalam ruangan YB Kampus boleh menghantar tulisan masing-masing ke e-mel [bhvarsiti@bh.com.my](mailto:bhvarsiti@bh.com.my).

### Reaksi



John F Kennedy pernah berkata, jangan tanya apa negara sudah lakukan kepada kamu tetapi tanya kepada diri sendiri apa yang kamu boleh lakukan kepada negara. Justeru, semangat kecintaan kepada negara bukan sahaja perlu dinilai daripada perkataan semata-mata sebaliknya tindakan yang disumbangkan kepada negara"

**Amirul Johan Johari,**  
Pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)



Semangat cintakan tanah air yang tinggi dapat mendorong masyarakat berusaha sepenuhnya untuk menaikkan martabat negara dan individu yang menyertai ketenteraan pula dilihat sebagai insan terpenting dalam mengekalkan keharmonian negara kerana mereka adalah benteng pertahanan negara yang pertama"

**Noor Hanis Mohd Noor,**  
Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM)



Semangat patriotisme wajar dimiliki oleh rakyat kerana perkara itu adalah resipi dalam mewujudkan kesefahaman masyarakat dan sekiranya individu meminati ketenteraan, mereka boleh menceburinya demi mempertahankan kedaulatan negara walaupun tidak berada di barisan hadapan"

**Shatesh Kumar Sangar,**  
Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM)